

# Ghairah curi ikan karang negara



Muhamad Rezal (berdiri, kiri) menunjukkan ikan-ikan yang harganya tinggi di pasaran yang dirampas hasil penahanan empat bot nelayan Vietnam.

**Empat bot nelayan Vietnam ditahan, nilai rampasan hampir RM4.7j**

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

**K**eghairahan nelayan asing Vietnam menangkap ikan secara haram menggunakan empat bot di kawasan berdekatan pulau dan pelantar minyak negara ini kerana 'kaya' dengan ikan yang harganya mahal di pasaran berjaya menghalang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim).

Dengan tangkapan empat bot itu kelmarin, Maritim juga berjaya membuat rampasan yang dianggarkan bernilai hampir RM4.7 juta termasuk nilai bot bersama peralatan, hasil tangkapan 10.5 tan ikan dan 17,000 liter minyak diesel.

Ketua Zon Maritim Kemaman, Leftenan Komander Maritim Muhamad Rezal Kamal Bashah berkata, turut ditahan bersama bot itu adalah seramai 41 awak-awak termasuk tekong berusia antara 19 hingga 57 tahun.

Menurutnya, empat-empat bot itu ditahan antara jam 10.40 pagi hingga 1.20 tengah hari kelmarin dalam jarak sekitar

100 hingga 104 batu nautika dari Kuala Kemaman yang berhampiran Pulau Tioman.

Menurutnya, kapal itu berjaya dikesan kapal ronda Maritim Malaysia ketika sedang melakukan rondaan Op Iman, Op Perkasa Timur dan Op Marikh di perairan Pahang, Terengganu dan Kelantan.

"Modus operandi empat bot nelayan Vietnam ini adalah menyasarkan kawasan berhampiran pulau dan pelantar minyak kerana ia jadi habitat ikan karang seperti tenggiri, kerapu dan mayong yang kita tahu harganya di pasaran memang tinggi.

"Musim sotong juga dorong mereka membuat aktiviti tangkapan di kawasan-kawasan berdekatan pulau," katanya pada sidang media di jeti Pangkalan Maritim Kemaman, semalam.



Muhamad Rezal dan pegawainya melihat peralatan untuk menjemur sotong di dalam bot yang ditahan.

## Sanggup gadaai nyawa dekatipelantar minyak

Mohamad Rezal berkata, demi memenuhi keinginan mendapatkan hasil tangkapan yang banyak, bot-bot Vietnam itu sanggup mengambil risiko mendekati kawasan pulau dan pelantar minyak tersebut.

Katanya, ketika dikesan kapal ronda Maritim Malaysia, kesemua bot asing itu sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan sebelum bot-bot berkenaan diarahkan berhenti untuk dilakukan pemeriksaan.

Bot pertama ditahan kira-kira pada jam 10.40 pagi pada jarak lebih kurang 100 batu nautika dari Kuala Kemaman diikuti bot kedua pada jam 11.30 pagi pada jarak 101 batu nautika, juga dari Kuala Kemaman.

Bot ketiga pula diberkas pada jam 12.25 tengah hari manakala bot keempat ditangkap kira-kira 1.20 petang masing-masing pada jarak 104 dan 102 batu nautika dari Kuala Kemaman.

Muhamad Rezal memberitahu, hasil pemeriksaan mendapati tekong bot gagal mengemukakan sebarang dokumen atau permit yang sah daripada Jabatan

Perikanan Malaysia untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan Malaysia.

"Kesemua awak-awak termasuk tekong juga tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.

"Pemeriksaan lanjut mendapati dalam bot-bot itu terdapat sebanyak lima tan ikan campur, lima setengah tan ikan baja serta minyak diesel sebanyak 17,000 liter," katanya.

Tambah beliau, bekalan minyak diesel itu dipercayai digunakan bot asing itu untuk bertahan lebih lama di tengah laut yang mana dengan jumlah bekalan sebanyak itu, dipercayai mereka mampu bertahan di laut selama sebulan.

## Zon Maritim Kemaman lakukan 33 tangkapan bot

Muhamad Rezal berkata, hasil soal siasat awal keempat-empat bot terbabit mengaku telah berada di perairan Malaysia selama empat hari sebelum mereka dicekup.

Kesemua nelayan dan bot yang ditahan telah dibawa masuk ke jeti Pangkalan Maritim Kemaman pagi semalam untuk membantu siasatan.

Muhamad Rezal berkata, kesemua tekong dan awak-awak itu boleh disabitkan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Jelasnya, jika sabit kesalahan bot boleh dirampas sepenuhnya manakala tekong bot boleh didenda sehingga RM1 juta dan awak-awak boleh didenda sehingga RM500,000 seorang.

Sementara itu, tangkapan terbaharu yang dilakukan itu menjadikan Zon Maritim Kemaman berjaya membuat sebanyak 33 tangkapan bot setakat ini sepanjang operasi dijalankan sejak awal Januari lalu.

## info

- Sasar kawasan berhampiran pulau dan pelantar minyak kerana ia jadi habitat ikan karang seperti tenggiri, kerapu dan mayong yang memiliki harga tinggi di pasaran.



Muhamad Rezal memeriksa minyak diesel dalam salah sebuah bot.



Muhamad Rezal menyoal siasat tekong bot sebaik mereka tiba di jeti Pangkalan Maritim Kemaman semalam.